

MCA perlu akur

UM 22 APR 2002

KUALA LUMPUR 21 April — Kedua-dua pihak yang bertelagah dalam MCA perlu akur dengan pelan damai tajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengembalikan perpaduan parti.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, persetujuan bersama mengenai pelan damai yang dicadangkan itu akan membuka jalan kepada perdamaian dan perpaduan parti itu.

“Kita harap supaya mereka pentingkan kekuatan parti dan keseluruhan Barisan Nasional (BN),” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik daripada Kumpulan A yang antara lain menyatakan beberapa perkara dalam memorandum berdasarkan pelan damai itu seperti menangguhkan pemilihan bahagian, didapati tidak mematuhi perlembagaan MCA.

Muhammad berkata, MCA perlu belajar daripada masalah yang pernah melanda UMNO yang akhirnya membawa kepada pecahan parti.

“Saya nasihatkan pemimpin-pemimpin MCA mengutamakan kekuatan BN,” katanya.

‘pelan damai PM

Menurut Muhammad, Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN mengambil kira kepentingan BN dalam membantu menyelesaikan masalah dalam parti itu kerana MCA adalah parti kedua terbesar dalam BN.

Ketua Eksekutif Institut Perkembangan Minda (Inmind), **Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir** ketika dihubungi juga berpendirian Kumpulan A dan B MCA perlu akur dengan pelan damai tersebut.

Beliau menegaskan, sekiranya salah satu pihak gagal berbuat demikian, kemelut di dalam MCA akan terus berpanjangan dan akhirnya akan memberi kesan kepada persiapan

BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berpendapat di dalam isu itu tidak seharusnya timbul terdapat salah satu pihak tidak mahu mengikut pelan damai tersebut, memandangkan dua pemimpin utama kumpulan yang bertelagah iaitu Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek telah berjumpa dengan Dr. Mahathir.

“Saya percaya Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN telah memberi formula yang sama di dalam pelan damai ini kepada kedua-dua pemimpin ini.

“Mustahil Dr. Mahathir mencadangkan

pelan damai yang berlainan kepada kedua-dua pemimpin MCA ini,” ujarnya.

Sehubungan itu beliau menggesa pihak yang enggan mematuhi pelan damai itu mengikuti langkah yang telah diambil oleh kumpulan satu lagi.

Sementara itu, Ah Lek yang diminta mengulas perkara yang sama berkata:

“Kita sudah akur dengan pelan damai itu tetapi terpulanglah kepada mereka untuk membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak.

“Itu awak kena tanya mereka,” katanya.